



UNIT PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Rujukan : SUK.NS.700-9/11/8 (100)
Tarikh : 15 hb. Ogos 2017

KENYATAAN SEBUT HARGA UNIT PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam gred **G1** dalam kategori **B** pengkhususan **B04, B28, CE21 DAN CIDB PEROLEHAN KERAJAAN** yang masih sah laku dibenarkan memenuhi tawaran ini bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

**UP 14/ 2017 Program NBOS Rumah Pangsa Kerajaan Negeri: Cadangan
Merekabentuk Ruang Dalaman Bilik Bacaan Di PPR Bersepadu
Senawang, Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.**

2. Penender yang berminat hendaklah hadir ke **Rumah Pangsa PPR Bersepadu Senawang** dan berkumpul di **Pintu Gerbang, Rumah Pangsa PPR Bersepadu Senawang** untuk taklimat dan lawatan ke tapak (**Wajib**) pada **22 Ogos 2017 (Selasa)** jam **10.00 pagi**. Penender hendaklah membawa bersama **COP SYARIKAT** semasa hadir untuk taklimat dan lawatan tapak tersebut.
3. Dokumen akan mula dijual pada **22 Ogos 2017 (Selasa)** jam **3.00 petang**. **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang asal dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. **Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut.** Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari 2.15 petang – 4.30 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari 2.45 petang - 4.30 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **29 Ogos 2017 (Selasa)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Unit Perumahan (UP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. **Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.**
5. Bayaran sebanyak **RM 30.00** boleh dibuat secara **TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAUF BANK** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.


(MOHD EAZLI BIN ABDUL JALIL)
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Unit Perumahan